

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN
UNTUK MENJADI ANGGOTA ROMBONGAN PETUGAS HAJI (PERUBATAN)
MUSIM HAJI 1440H/2019M**

1. Permohonan dibuka kepada **semua pegawai yang bertaraf tetap dan disahkan dalam perkhidmatan awam serta belum pernah** menyertai Rombongan Perubatan Tabung Haji (TH) ke Tanah Suci.
2. Warganegara Malaysia.
3. Menjadi **Ahli Pendeposit TH**.
4. Beragama Islam.
5. Fasih **berbahasa Melayu**.
6. Disahkan **sihat** oleh Ketua Jabatan.
7. Disahkan **tidak merokok** oleh Ketua Jabatan.
8. Berat Badan Unggul (BMI) : **18 hingga 31**.
9. Umur bagi **pegawai lelaki tidak melebihi 50 tahun** manakala bagi **pegawai wanita tidak melebihi 45 tahun** (semua jawatan) pada tarikh tutup permohonan.
10. **Pegawai wanita yang telah berkahwin perlu mendapatkan persetujuan secara bertulis (rujuk Perkara 9) daripada suami apabila membuat permohonan.**
11. **Keutamaan** akan diberikan kepada pegawai yang **sedang** bertugas di penempatan berikut:
 - a. Jabatan Kecemasan dan Trauma
 - **Pegawai Perubatan**
 - **Penolong Pegawai Perubatan**
 - **Jururawat Terlatih**
 - b. Klinik Kesihatan
 - **Pegawai Perubatan**
 - **Penolong Pegawai Perubatan**
 - **Penolong Pegawai Farmasi**
 - c. Wad Rawatan Rapi (ICU) / Wad Rawatan Jantung (CCU)
 - **Jururawat Terlatih**
12. Keutamaan juga diberikan kepada pegawai yang mempunyai pengalaman bertugas di penempatan berikut :
 - a. Pasukan Perlindungan Perubatan (*Medical Cover*) di stesen pelepasan dan stesen ketibaan di Tanah Air semasa operasi haji;
 - b. Pemeriksaan kesihatan bakal haji di Tanah Air; dan
 - c. Unit Psikiatrik, CSSU dan Kawalan Infeksi.

13. Pegawai yang **tidak layak** untuk memohon adalah seperti berikut:
- Pegawai yang masih dalam tempoh pengajian (Ijazah Pertama / Master (*Sub-Specialist*) atau sedang menunggu tawaran melanjutkan pelajaran;
 - Pegawai Perubatan Siswazah (*Housemanship*);
 - Pakar Perubatan yang dalam tempoh **pewartaan**;
 - Pegawai yang sedang dalam tindakan tatatertib dan sedang menggunakan kemudahan cuti-cuti lain (cth: cuti tanpa gaji/ cuti sakit) yang berkuatkuasa sepanjang tempoh operasi haji; dan
 - Pegawai wanita yang **hamil**.
14. Dokumen yang **WAJIB** disertakan bersama borang permohonan adalah seperti berikut:
- Salinan Sijil Sarjana (Master)/ *Fellowship/ Membership/ Sarjana Muda/ Diploma*; dan
 - Sijil Perakuan Amalan Tahunan terkini.
15. Borang permohonan **WAJIB** melalui Jawatankuasa Pemilihan seperti berikut:

| NO | KEMENTERIAN/ JABATAN/ INSTITUSI BERKHIDMAT SEKARANG | LOKASI PENGHANTARAN BORANG |
|----|--|----------------------------------|
| 1 | Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia | Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM |
| 2 | Institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia | Institusi masing-masing |
| 3 | Jabatan Kesihatan Negeri/ Hospital/Klinik Kesihatan/Pejabat Kesihatan Daerah | Jabatan Kesihatan Negeri |
| 4 | Hospital Kuala Lumpur | Hospital Kuala Lumpur |
| 5 | Institusi Latihan (Kolej) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia | Bahagian Pengurusan Latihan |
| 6 | Kementerian Pertahanan Malaysia | Kementerian Pertahanan Malaysia |
| 7 | Pegawai KKM yang ditempatkan secara mengisi jawatan kader di kementerian/ jabatan/ agensi lain | Jabatan Kesihatan Negeri |

16. Keputusan Jawatankuasa Pemilihan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.